



REMAJA merupakan aset penting dalam sesebuah negara kerana mereka ialah generasi pewaris yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan negara pada masa depan. Generasi remaja masa kini akan menjadi fokus utama dan sebagai elemen penting yang mesti digerakkan dan dijana sebagai produk negara yang berkualiti tinggi. Kewibawaan dan kecemerlangan mereka adalah menjadi input dalam membina kekuatan dan nilai masyarakat dalam pelbagai bidang.

## MENGELEK HARAPAN



Golongan remaja menjadi tumpuan penting yang mesti ditangani untuk memastikan mereka akan terus bergerak aktif. Hal ini kerana negara mahu melahirkan generasi yang memandang jauh ke hadapan. Kita mahu melihat generasi hari ini mampu melahirkan kekuatan imej dan aset yang benar-benar berguna.

Menyedari remaja masa kini amat berharga kepada negara, maka seharusnya remaja memajukan diri supaya dapat menjamin kecemerlangan dalam bidang yang diceburi nanti. Golongan remaja atau belia diharap akan terlibat secara langsung dengan pertumbuhan, kemajuan dan perkembangan negara secara positif dan proaktif. Dengan adanya aspirasi dan agenda yang tertanam di setiap jiwa dan sanubari generasi remaja, maka negara akan mampu melahirkan modal insan serba boleh dan kebal dalam menghadapi cabaran-cabaran dan ancaman sosial yang boleh menjejaskan pertumbuhan dan kecemerlangan mereka.

Remaja perlu membina

kecemertangan diri baik daripada segi peribadi, mental, ilmu dan juga amal agar dapat menjadi insan dinamik yang berdaya maju. Kita sekarang telah berada dalam arus dunia globalisasi atau dunia tanpa sempadan yang penuh dengan cabaran. Pembaharuan dan perubahan akan berlaku dengan pantas. Remaja atau generasi baru adalah menjadi harapan negara untuk mendepani segala cabaran mendatang ini. Hamka pernah mengatakan "Jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah para pemuda pemudinya."

Untuk mendepani dunia moden alaf baru ini, remaja harus menyiapkan diri mereka daripada

daripada segi perkhidmatan yang bermutu tinggi dan sumbangan buah-fikiran bernas yang boleh mengangkat organisasi tersebut ke mercu kecemertangan.

Mereka yang berketenterampilan juga; jika menjadi peneraju negara akan menjadi pemimpin yang serba boleh dan menjadi penggubal dasar atau polisi negara yang akan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Daripada segi tanggungjawab sosial pula, remaja seharusnya berusaha mewujudkan kesejahteraan sosial berasaskan prinsip saling menghormati untuk membina sebuah masyarakat-majmuk yang maju dan harmoni sesuai dengan konsep 1 Malaysia

aset negara hendaklah menjauhkan diri daripada terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, melepak, laku musnah, jenayah dan seumpamanya lagi yang merugikan diri sendiri dan negara. Sebaliknya rebutlah peluang yang ada untuk memajukan diri.

Dengan jumlah remaja atau belia negara yang menjadi 35% daripada populasi negara, maka sudah tentu akan menjadi aset besar kepada negara. Jika kalangan mereka yang ada dalam lingkungan jumlah ini merupakan kalangan yang berpendidikan, berilmu dan berpengetahuan tinggi, kita sudah pasti akan memiliki aset besar untuk

# MENGUSUNG WIBAWA

Remaja atau generasi baru adalah menjadi harapan negara untuk mendepani segala cabaran mendatang ini. Hamka pernah mengatakan "Jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah para pemuda pemudinya."

sekarang. Tidak ada cara yang lebih berkesan dalam persiapan diri ini melainkan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

Remaja yang majoriti dalam kalangan pelajar seharusnya meneroka pelbagai disiplin keilmuan yang ada. Bagi pelajar aliran sains misalnya, mereka tidak seharusnya menumpukan kepada bidang sains sahaja tetapi hendaklah juga mengambil peluang mencerdok ilmu daripada bidang sastera juga.

Begitulah sebaliknya bagi pelajar sastera. Dengan cara ini ilmu yang dipelajari itu saling lengkap melengkapi antara satu sama lain, dan pastinya akan melahirkan generasi yang berketenterampilan.

Pelajar-pelajar yang berketenterampilan akan membekalkan input yang berharga kepada negara. Sekiranya mereka menjadi pekerja di sesebuah organisasi, mereka boleh memberi sumbangan yang besar baik

yang diperkenalkan di bawah kepimpinan baru ini. Remaja hendaklah prihatin terhadap isu semasa dan segala masalah masyarakat dengan tampil bersama-sama menangani permasalahan yang timbul. Melalui cara ini secara tidak langsung akan melahirkan rasa tanggungjawab terhadap negara, seterusnya membentuk kepimpinan mereka.

Selain itu remaja juga mestilah menanam sikap mengambil berat terhadap sejarah negara kerana melalui penghayatan seperti ini akan melahirkan rasa penghargaan terhadap pejuang-pejuang bangsa yang bersemangat tinggi dalam memperjuangkan kemerdekaan negara suatu ketika dahulu. Semangat yang ditunjukkan oleh pejuang-pejuang bangsa ini hendaklah dijadikan sebagai contoh kepada remaja untuk mempertahankan maruah negara.

Demikianlah pentingnya kedaulatan negara, remaja sebagai

membina tamadun bernegara dan berbangsa, dan jika dalam jumlah ini kita mampu menjana dan membina generasi yang terbina dengan akhlak yang baik dan dipimpin dengan penghayatan beragama yang kukuh sudah pasti kita akan melahirkan generasi dan masyarakat yang berkualiti dan mempunyai daya kredibiliti yang tinggi.

Tegasnya, remaja mempunyai peranan yang penting dan tanggungjawab yang besar terhadap negara. Justeru hendaklah melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran atau latihan supaya mampu berdikari, melahirkan jati diri yang benar-benar ampuh untuk berdepan dengan perubahan semasa. Tenaga muda yang ada pada hari ini akan menjana negara untuk menghadapi segala cabaran seterusnya membawa negara ke singgahsana kecemertangan dan kegemilangan pada alaf baru ini. ②